

# PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI BAGI KELESTARIAN INDUSTRI PELANCONGAN DI MALAYSIA

**Mohamad Kazar Razali<sup>1</sup>, Norhaya Hanum Mohamad<sup>2\*</sup>,**  
**Mohd Yusof Yaakob<sup>3</sup> & Nafissah Johari<sup>4</sup>**

**\*Corresponding Author**

<sup>1</sup>*Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti, Politeknik Sultan Idris Shah,  
Sabak Bernam Selangor Malaysia,*

<sup>2</sup>*Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan, Universiti Teknologi MARA  
(UiTM) Terengganu, Malaysia,*

<sup>3</sup>*Jabatan Kulinari, Kolej Komuniti Beaufort, Jalan Melalugus  
Beaufort Sabah, Malaysia*<sup>3</sup>

<sup>4</sup>*Jabatan Perdagangan, Politeknik Metro Johor Bahru,Taman Putera,  
Johor Bahru Johor, Malaysia*<sup>4</sup>

Kazar\_razali@psis.edu.my, \*norhayahanum@uitm.edu.my, yusof.yaakob@  
kkbeaufort.edu.my & nafissah.johari@pmjb.edu.my

Received: 2 August 2022

Accepted: 29 September 2022

Published: 31 March 2023

## ABSTRAK

*Penularan pandemik Covid-19 merupakan ancaman keselamatan kepada kehidupan seluruh dunia termasuklah Malaysia. Hal ini bertambah buruk kepada industri pelancongan yang hidup menerusi urusan interaksi di antara pelancong dengan tuan rumah pada destinasi pelancongan. Ancaman Covid-19 telah memberi kesan langsung kepada pengurusan krisis keselamatan yang telah melumpuhkan industri pelancongan pada peringkat antarabangsa termasuklah Malaysia. Pengenalan ransangan ekonomi diperlukan bagi memastikan pemkembangan ekonomi industri pelancongan dan tahap keselamatan dapat dilestarikan pada destinasi pelancongan. Kajian ini adalah bertujuan menganalisis strategi ekonomi yang telah dijalankan oleh Malaysia ketika pandemik Covid-19 ini melanda di Malaysia. Memilih Malaysia sebagai contoh dalam memperincikan strategi menghadapi pandemik Covid19 dalam industri pelancongan. Pendekatan kualitatif menerusi analisis dokumen telah dilakukan. Dapatkan*



Copyright© 2021 UiTM Press.  
This is an open access article  
under the CC BY-NC-ND license

PENERBIT   
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

*kajian menunjukkan terdapat sepuluh pakej rangsangan ekonomi termasuk belanjawan 2021 dengan nilai keseluruhan RM 872.5 Bilion. Ini menunjukkan faedah ekonomi dalam melestarikan industri pelancongan yang terjejas telah dilakukan merangkumi semua aspek ekonomi, dan keselamatan bagi pembangunan negara dan kepentingan rakyat. Pakej rangsangan ekonomi merupakan langkah mencapai matlamat pembangunan lestari yang diperlukan dalam menghadapi pandemik Covid-19 demi keselamatan dan kebaikan rakyat Malaysia. Pelaksanaan pakej rangsangan ekonomi memerlukan kerjasama dari semua pemegang taruh dalam menghidupkan kembali industri pelancongan. Dasar Pemulihan Krisis Pelancongan Negara perlu diwujudkan bagi keterlibatan semua pemegang taruh industri pelancongan Malaysia.*

## **ABSTRACT**

*The spread of the Covid-19 pandemic is a threat to the lives of all over the world including Malaysia. This is exacerbated by the tourism industry which lives through interaction between tourists and hosts in tourist destinations. Covid-19 pandemic has had a direct impact on crisis management in the tourism industry. The Covid-19 pandemic is a security issue that has crippled the tourism industry globally and Malaysia. The introduction of economic incentives is necessary to ensure the economic development of the tourism industry and the level of security at the destination can be sustained at the tourism destination. This study aims to analyze the economic strategy that has been carried out by Malaysia when the Covid-19 pandemic hit Malaysia. Choosing Malaysia as an example in detailing the strategy to face the Covid-19 pandemic in the tourism industry. This study is aimed at analyzing the economic strategies that Malaysia has undertaken during the Covid-19 pandemic. Malaysia has been chosen in detailing the strategy for the Covid-19 pandemic in the tourism industry. A qualitative approach through the analysis of documents was carried out. The findings showed that there are nine economic stimulus packages and one 2021 budget with a total value of RM 872.5 Billion. This shows the economic benefits in preserving the tourism industry that has not been affected has been done covering all aspects of the economy, and security for the development of the country and the interests of the people. The economic stimulus package is a step to achieve the goal of sustainable development that is needed in the face of the Covid-19 pandemic for the safety and welfare of Malaysians. The*

*economic stimulus package is a necessary as sustainability development strategy in countering the Covid-19 pandemic for the safety and welfare of Malaysians. The implementation of the economic stimulus package requires the cooperation from the stakeholders in revitalizing the tourism industry. A National Tourism Crisis Recovery Policy needs to be established for the involvement of stakeholders in the Malaysian tourism industry.*

© 2023 MySE, FSPU, UiTM Perak, All rights reserved

**Kata kunci:** Covid-19, Keselamatan, Krisis Pelancongan, Malaysia, Pemegang Taruh, Rangsangan Ekonomi

## **PENGENALAN**

Malaysia turut berhadapan dengan krisis keselamatan pelancongan yang merupakan ancaman bukan sahaja diperingkat domestik malah antarabangsa. Dalam masa sama kerajaan terpaksa berhadapan dengan penularan wabak penyakit yang telah memberi implikasi besar terhadap industri. Faktor keselamatan merupakan motivasi utama yang perlu ada pada setiap destinasi pelancongan (Hanafiah, M. H., et al 2021). Walaubagaimanapun tiada yang menyangka pendemik Covid-19 telah melumpuhkan sektor pelancongan di seluruh dunia dan termasuklah di Malaysia (Khan, M. A. A., & Hashim, H. 2020). Di awal penularan Covid-19, isu keselamatan dalam industri pelancongan menjadi isu yang hangat kerana memberi ancaman kepada kehidupan manusia di seluruh dunia termasuklah Malaysia. Hal ini bertambah buruk kepada industri pelancongan yang hidup menerusi urusan interaksi di antara pelancong dengan tuan rumah di destinasi pelancongan termasuklah pasca covid-19 (Samdin, Z., et al. 2022). Sebelum ini industri pelancongan merupakan industri penyumbang kepada ekonomi dunia termasuklah Malaysia (Hamid, S. S. 2021; Aziz, N. A., & Long, F. 2022).

Penularan wabak yang pertama di kesan pada 25 Januari 2020 bermula dengan laporan positif covid-19 dari tiga warga China yang memasuki ke Malaysia melalui pintu masuk di negeri Johor dari Singapura pada 23 Januari 2020 (Berita Harian, 2020). Sejak peristiwa tersebut kerajaan mula mengambil langkah-langkah berjaga-jaga dengan menasihatkan rakyat Malaysia untuk menangguhkan perjalanan ke negara China buat seketika

dan menghalang terus pelancong dari wilayah Wuhan dari memasuki negara. Pintu-pintu masuk ke negara pula dilengkapi dengan alat pengimbasan suhu bagi mengesan dan menyekat individu-individu yang bergejala dari meneruskan perjalanan masuk ke negara. Kerajaan terpaksa mengambil langkah proaktif dengan melaksanakan Perintah Kawalan Penggerakan yang pertama pada 18 Mac 2020 dalam usaha mengekang covid-19 dari terus melular di Malaysia (JPM 2021a). Maka sehubungan itu, norma baharu telah diwartakan bagi langkah pencegahan awal. Nur Afifah A. et al., (2022), menyatakan bahawa sebagai tindakan pencegahan semua haruslah melakukan tindakan seperti memakai topeng muka, penjarakan sosial, cuci tangan, sanitasi tangan, protokol ujian, dan kuarantin pesakit COVID-19 yang positif dan bergejala telah dilaksanakan. Pertama kali wabak Covid-19 mula dikesan di Wuhan, China dan kemudiannya ia mula tersebar di seluruh dunia. Menurut kajian lepas, Covid-19 merupakan wabak terburuk di mana ia telah mencatatkan statistik jangkitan dan kematian paling tinggi dan cepat berbanding wabak coronavirus yang lain seperti MERSCoV, SARSCoV dan Influenza (Liu, et al., 2020; Peeri, et al, 2020).

**Jadual 1. Statistik Kes Covid-19 Di Malaysia & Antarabangsa Sehingga Januari 2022**

	Malaysia	Antarabangsa
Jumlah Dijangkiti	2,795,095	328,844,451
Jumlah Kematian	31,793	5,557,893
Jumlah Sembuh	2,735,355	267,726,222
Kes Aktif	41,199	55,560,336

Sumber : KKM 2022;Worldometers 2022

Jadual 1 menunjukkan perbandingan statistik penularan kes Covid 19 yang dikesan di Malaysia dan antarabangsa sehingga bulan Januari 2022. Walaupun jumlah penduduk yang dijangkiti di Malaysia hanya 2.7 juta berbanding antarabangsa yang mencapai 328 trijuta atau hanya 0.008% sahaja, namun 31, 793 telah meninggal dunia akibat covid19 yang telah melanda di seluruh dunia.

**Jadual 2. Perbandingan Ketibaan Pelancong dan Pendapatan Pelancongan 2019 dan 2020**

Tahun	Kehadiran Pelancong			Pendapatan Pelancongan		
	2019	2020	Peratusan Perbezaan	2019	2020	Peratusan Perbezaan

Malaysia	26.10 Juta	4.33 Juta	-83.4%	RM 86.1 Bilion	RM 12.7 Bilion	-85.27%
Antarabangsa	1.5 Bilion	281 Juta	-74%	US\$ 3 Trillion	US\$ 1.7 Trillion	-43%

Sumber : Tourism Malaysia 2021;UNWTO 2021

Laporan oleh Kementerian Pelancongan Malaysia, semasa PKP dijalankan pada bulan Mac hingga Mei 2020 industri pelancongan di negara ini dianggarkan mengalami kerugian sebanyak RM19.2 Billion dalam tempoh 3 bulan tersebut. Peningkatan kes COVID-19 di negara ini telah menyebabkan pembatalan banyak lawatan, dan sekaligus yang telah menyebabkan penurunan besar bilangan pelancong masuk ke Malaysia. Jadual 2 pula memberi data berkaitan ketibaan pelancongan yang menurun pada tahun 2020 sebanyak 83.4% berbanding tahun 2019 sebanyak 26.1 juta pelancong. Lantas memberi implikasi pendapatan pelancongan yang mencatatkan hanya RM12.7 bilion sahaja. Sejak penurunan ini turut mengalami penurunan pendapatan bagi industri pelancongan antarabangsa hanya US\$ 1.7 trillion 2020 berbanding US\$ 3 trillion yang dicatatkan pada tahun 2019.

Sejajar dengan statistik pembatalan bilik, pekerja di industri hotel juga turut terjejas. Segelintir pekerja terpaksa diberhentikan, diberikan cuti tanpa gaji dan ada juga yang terpaksa mengalami pemotongan gaji. Pendemik Covid-19 telah memberi impak yang besar ke atas industri pelancongan negara. Jika dulu, industri pelancongan antara penyumbang terbesar kepada ekonomi di Malaysia, kini industri ini semakin tenat akibat ancaman wabak Covid-19. Aspek keselamatan dalam menjalankan industri pelancongan adalah tumpuan utama dalam memastikan ransangan ekonomi dapat dilaksanakan dengan baik (Tilaki, M. J., et. al ,2021). Bagi mengembalikan semula peranan industri pelancongan dalam memacu pembangunan ekonomi Malaysia maka pendekatan ransangan ekonomi adalah langkah yang perlu diambil pihak kerajaan (Annamalah, S., & Paraman, P. 2021; Hanafiah, M. H., et. Al 2021.) Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengkaji dan menganalisis strategi yang dilakukan dalam pakej ransangan ekonomi bagi kelestarian industri pelancongan di Malaysia.

## **KAJIAN LITERATUR**

Situasi Semasa Pandemik Covid 19 Industri Pelancongan Malaysia. Industri pelancongan dunia mengalami kesan secara langsung akibat pandemik covid19. Kawalan keselamatan pintu masuk utama negara ketika pendemik ini berlaku telah menjelaskan beberapa industri berkaitan penerbangan, perhotelan dan lawatan pada destinasi pelancongan. Akibatnya, penurunan dalam permintaan dunia terhadap perkhidmatan penerbangan sangat ketara dan membawa kepada kerugian besar kepada syarikat-syarikat penerbangan sekaligus perpotensi untuk muflis (Foo et al., 2020). Kini, ketiga-tiga syarikat penerbangan utama Malaysia iaitu; AirAsia, Malindo Air dan Malaysia Airlines telah memulakan pemotongan gaji antara 10% hingga100% dan cuti tanpa gaji bergantung pada julat gaji dan kedudukan pekerja-pekerja mereka. Jesteru itu, disebabkan kerugian drastik ini syarikat penerbangan telah meminta kerajaan Malaysia untuk membantu dalam memberi sokongan kepada industri penerbangan yang semakin suram. Masalah seperti ini turut berlaku kepada industri perhotelan di mana sebanyak 170,084 buah bilik hotel yang ditempah pada tempoh 11 Januari sehingga 16 Mac 2020 telah dibatalkan. Jumlah kerugian yang dianggarkan dalam tempoh tiga bulan tersebut adalah sebanyak RM68,190,364 (Malaysian Association of Hotel, 2020).

Akhir sekali pembatalan acara pelancongan berskala besar cabaran besar industri pelancongan di Malaysia. Justeru, Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan terpaksa membatalkan kempen Tahun Melawat Malaysia 2020 (TMM2020) walaupun perancangan rapi telah disusun. Dengan pembatalan penerbangan ke luar negara dan rasa kurang yakin pelancong terhadap tahap keselamatan di Malaysia, Hal ini telah memberi kesan kepada kehadiran pelancong yang disasarkan oleh kementerian seramai 30 juta orang untuk kempen TMM2020 (MSN,2020). Walaupun kerajaan telah sedaya upaya memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada para pelancong yang telah berada di Malaysia sejak awal tahun lagi atau sebelum penularan wabak berlaku, hal ini tidak menjamin TMM 2020 mampu mencapai sasaran yang telah diletakkan, (I et al. 2020).

## **Perintah kawalan pergerakan (PKP) pilihan sebagai langkah keselamatan di Malaysia.**

Bagi menyekat penularan wabak covid-19 ini, pelbagai langkah pencegahan diambil oleh pihak kerajaan seperti sekatan perjalanan, penjarakan sosial dan penangguhan acara bagi tempoh tertentu mengikut negara masing-masing. Walaupun perintah pergerakan dapat mencegah wabak Covid-19 dari terus merebak, namun langkah pencegahan ini sebenarnya telah menyumbang kepada krisis ekonomi dunia secara global. Sehingga kajian ini dijalankan, penularan virus Covid-19 terus berlaku dengan pelbagai varian baru seperti Delta dan Omicron dikenalpasti. Kini, Covid-19 telah menyebabkan kemerosotan ekonomi di seluruh dunia.

Malaysia telah mengambil langkah Perintah Kawalan Pergerakan bagi mencegah penularan Covid-19 seperti menjalankan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). PKP ini dilancarkan secara menyeluruh merangkumi larangan pergerakan dan perhimpunan termasuk yang melibatkan aktiviti keagamaan, sukan, sosial dan budaya. Ini melibatkan melonggarkan sekatan perjalanan antara negeri dan membenarkan lebih banyak sektor ekonomi memulakan semula operasi. Walau bagaimanapun, ia juga tidak membenarkan bar, kelab, refleksologi, karaoke, acara keagamaan, taman tema dan rumah terbuka beroperasi (Nasrulhakim, et al., 2022). Akibatnya, banyak sektor ekonomi yang terkesan secara langsung akibat perlaksanaan PKP ini seperti sektor pelancongan, sektor berasaskan pertanian dan makanan, peruncitan, pengangkutan dan pembinaan (Saari, 2020; Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020).

Sejarah telah membuktikan penularan wabak penyakit mempunyai kesan yang tidak baik kepada sektor pelancongan. Malah lebih buruk lagi penularan tersebut mampu melumpuhkan industri pelancongan kepada sesebuah negara sekiranya tiada langkah-langkap proaktif diambil bagi menangani permasalahan tersebut. Beberapa kajian telah dilaksanakan bagi melihat sejauh mana hubung kait penularan wabak dengan kehadiran pelancongan ke sesebuah negara. Sebagai contoh, pada tahun 2014 sehingga 2015, penularan wabak Ebola di negara-negara seperti Guinea, Liberia dan Sierra Leone telah memberi kesan yang negatif kepada sektor pelancongan

dan hospitaliti di negara itu (Kongoley-MIH, 2015). Begitu juga yang belaku di negara China pada tahun 2005, yang mana penularan wabak SARS telah merencatkan pertumbuhan industri pelancongan di negara itu (Zeng, et.al, 2005). Kesannya, penularan wabak menyebabkan ketidakpercayaan terhadap tahap keselamatan dan kesihatan dalam sebuah negara oleh pelancong yang ingin berkunjung. Pengenalan Pelan Pemulihan yang diperkenalkan dilihat mampu memperkuuhkan hala tuju pelancongan. Kejayaan Pelan Pemulihan Negara sedia dilaksanakan jika penurunan kadar jangkitan dan program vaksinasi telah mempersepatkan sasaran imunisasi berkelompok pada Disember 2021(JPM 2021g). Justeru teori Keselamatan dalam industri pelancongan adalah disesuaikan dalam kajian ini di mana melihat keperluan dalam menjaga keselamatan rakyat dan pada masa yang sama kelangsungan ekonomi dan kelestarian industri pelancongan,(Kaushal & Srivastava 2021; Mansfeld & Pizam 2006). Menerusi pakej ransangan ekonomi yang diperkenalkan oleh kerajaan tidak hanya memfokuskan kepada ekonomi semata-semata tetapi turut mengutamakan kepada keselamatan rakyat iaitu seperti program vaksin dan peningkatan fasiliti keselamatan dipintu masuk antarabangsa di Malaysia.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Kaedah analisis dokumen yang meliputi sembilan (9) teks ucapan pakej ransangan (1) teks ucapan belanjawan 2021 dan laporan ekonomi berkaitan strategi ekonomi yang diperkenalkan oleh kerajaan. Kajian ini menggunakan perisian Atlas ti versi 7 dalam menganalisis dokumen tersebut. Analisis dokumen telah digunakan dalam meneliti ke semua teks ucapan dan dokumen berkaitan pakej ransangan dan belanjawan seperti kajian-kajian lepas berkaitan strategi perancangan pelancongan (Le & Phi 2021:Harun et al. 2020;Noor Zatul Iffah Hussin & Buchmann 2019; Noor Zatul Iffah Hussin 2017:2014).

## **DAPATAN KAJIAN**

Sepanjang berdepan dengan krisis pandemik Covid-19, kerajaan Malaysia telah melancarkan sepuluh pakej ransangan termasuk belanjawan 2021 bagi mengekang, menyelamat dan membina ekonomi Malaysia

terutamanya kepada rakyat terkesan termasuklah industri pelancongan. Terdapat sepuluh pakej rangsangan termasuk belanjawan tahunan 2021 telah dilancarkan dengan nilai RM 872.5 bilion bagi memastikan keselamatan dan membangunkan ekonomi setelah mengalami dua tahun keadaan ketidaktentuan ekonomi dunia akibat Covid-19. Sumbangan pakej rangsangan ekonomi merupakan salah satu keperluan dalam mencapai matlamat pembangunan lestari yang terdiri ekonomi, sosial dan persekitaran. Jadual 3 merupakan nama pakej rangsangan yang telah diperkenalkan oleh kerajaan Malaysia sehingga tahun 2021. Dapatan kajian menunjukkan pakej rangsangan ekonomi bukan hanya menjurus kepada industri pelancongan semata-mata, namun termasukan keperluan kepada keselamatan negara dan program vaksinasi kepada rakyat Malaysia. Hal ini kerana ransangan ekonomi mengambil kira pelbagai aspek demi kebijakan rakyat.

**Jadual 3. Pakej Rangsangan Ekonomi bagi Menghadapi Covid-19 di Malaysia dari tahun 2020-2021**

	Pakej Rangsangan Ekonomi 2020 (PRE 2020)
	Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat-PRIHATIN
	Pakej Prihatin PKS Tambahan
	Pelan Jana Semula Ekonomi Negara-(PENJANA)
	Kerangka Inisiatif Tambahan Khas: KITA Prihatin
	Belanjawan 2021
	Pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi & Rakyat Malaysia (PERMAI)
	Program Strategik Memperkasa Rakyat Dan Ekonomi (PEMERKASA)
	Program Strategik Memperkasa Rakyat Dan Ekonomi Tambahan (PEMERKASA+)
	Pakej Perlindungan Rakyat Dan Pemulihran Ekonomi (PEMULIH)

Sumber :JPM 2020a; JPM 2020b; JPM 2021c; JPM 2021d; JPM 2020c; JPM 2020d; JPM 2020e; MOF 2020; JPM 2021e; JPM 2020f; JPM 2021f

Menerusi pakej rangsangan ekonomi dalam semua sektor, sektor pelancongan tidak terkecuali dalam menyusun strategi kelestarian industri pelancongan di Malaysia. Berdasarkan Jadual 4, beberapa strategi pembangunan pelancongan telah dirangka dalam setiap pakej rangsangan ekonomi yang diperkenalkan.

**Jadual 4. Pakej Rangsangan Ekonomi bagi Menghadapi Covid-19  
di Malaysia dari tahun 2020-2021**

Bil	Pakej	Strategi
1.	Pakej Rangsangan Ekonomi 2020 (PRE 2020)	<ul style="list-style-type: none"> <li>•Pengecualian Cukai Perkhidmatan Untuk Hotel</li> <li>•Potongan Cukai Tambahan Kepada Pengendali Hotel Untuk Perbelanjaan Latihan</li> <li>•Pelepasan Khas Cukai Pendapatan Individu Untuk Pelancongan Domestik</li> <li>•Baucer Diskaun Untuk Meningkatkan Pelancongan Dan Penerbangan Domestik Negara 18.</li> <li>•Penganjuran Acara Rasmi Kerajaan Di Hotel</li> <li>•Sistem Insurans Pekerjaan</li> <li>•Tabung Latihan Kemahiran</li> <li>•Insetif Tunai Secara One-Off RM600 Kepada Pemandu Teksi, Bas Pelancong &amp;Pemandu Pelancong</li> </ul>
2.	Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat-PRIHATIN	<ul style="list-style-type: none"> <li>•Mengecualikan pembayaran levi Tabung Pembangunan Sumber Manusia (HRDF) bagi semua sektor untuk tempoh enam bulan mulai bulan April 2020</li> </ul>
3.	Pakej Prihatin PKS Tambahan	<ul style="list-style-type: none"> <li>•Subsidi upah dari RM5.9bln dinaikkan kepada RM13.8bln</li> </ul>
4	Pelan Jana Semula Ekonomi Negara-(PENJANA)	<ul style="list-style-type: none"> <li>•Skim Pembiayaan Pelancongan PENJANA</li> <li>•Perniagaan di bawah industri pelancongan seperti agensi pelancongan, pengusaha hotel dan syarikat penerbangan yang telah diberikan penangguhan bayaran ansuran ke atas anggaran cukai yang kena dibayar bagi tempoh 1 April 2020 hingga 30 September 2020 akan dilanjutkan tempoh penangguhan selama 3 bulan lagi mulai 1 Oktober 2020 hingga 31 Disember 2020;</li> <li>•Mengecualikan cukai pelancongan sepenuhnya bagi tempoh mulai 1 Julai 2020 hingga 30 Jun 2021;</li> <li>•Pengecualian cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan penginapan yang disediakan oleh pengendali premis penginapan dilanjutkan mulai 1 September 2020 hingga 30 Jun 2021;</li> <li>•Pelepasan cukai pendapatan individu sehingga RM1,000 yang telah diberikan ke atas perbelanjaan melancong dalam negara dilanjutkan sehingga 31 Disember 2021</li> <li>•skim pembiayaan pelancongan bernilai RM1 bilion bantu sektor pelancongan.</li> </ul>
5	Kerangka Inisiatif Tambahan Khas: KITA PRIHATIN	<ul style="list-style-type: none"> <li>•Program Subsidi Upah 2.0</li> </ul>

6	Belanjawan 2021	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Agensi Pembangunan Ekonomi Seni Budaya atau CENDANA untuk melaksanakan pelbagai program kesenian dan kebudayaan yang bakal memanfaatkan lebih 5,000 penggiat seni dan petugas produksi belakang tabir.</li> <li>• Kerajaan akan menyediakan program latihan dan penempatan semula bagi 8,000 kakitangan dari syarikat penerangan di Malaysia dengan peruntukan sebanyak 50 juta ringgit.</li> <li>• Kerajaan juga akan menyediakan peluang pekerjaan kepada 500 orang daripada komuniti setempat dan Orang Asli sebagai jurupandu pelancong di semua taman negara bagi merancakkan segmen ekopelancongan.</li> <li>• Memastikan ketersediaan tempat tumpuan pelancong, sebanyak RM 50 juta disediakan bagi kerja-kerja penyelenggaraan dan baik pulih kemudahan pelancongan di seluruh negara.</li> <li>• Sejumlah RM 20 juta juga diperuntukkan bagi menambah baik infrastruktur dan mempergiat promosi Kampung-Kampung Budaya di negeri Terengganu, Melaka, Sarawak dan Negeri Sembilan. 175.</li> <li>• 10 juta ringgit diperuntukkan bagi memastikan bangunan warisan kebangsaan seperti Bangunan Sultan Abdul Samad dan Carcosa Seri Negara juga akan terus kekal terpelihara dan menjadi ikon pelancongan. 176.</li> <li>• Industri pelancongan kesihatan berpotensi sebagai pelaburan baharu negara. Untuk itu, Kerajaan memperuntukkan RM 35 juta kepada Malaysia Healthcare Travel Council bagi meningkatkan daya saing industri pelancongan kesihatan tempatan.</li> <li>• Geran Khas Prihatin Tambahan sebanyak RM 1,000 akan diberikan kepada peniaga dan penjaja di Sabah. Geran khas ini juga akan diberikan kepada pemandu teksi, e-hailing, kereta sewa dan pemandu pelancong di Sabah.</li> </ul>
7	Pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi & Rakyat Malaysia (PERMAI)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bagi meringankan beban khususnya pemandu teksi dan bas, Kerajaan bersetuju menyediakan bantuan kewangan one-off sebanyak RM 500 kepada 14 ribu pemandu pelancong serta 118 ribu pemandu teksi, bas sekolah, bas persiaran, kereta sewa dan e-hailing dengan peruntukan tambahan sebanyak RM 66 juta Syarikat Jaminan Pinjaman Perniagaan akan memperkenalkan Skim Rehabilitasi Sewa Beli Bas dan Teksi.</li> </ul>

8	Program Strategik Memperkasa Rakyat Dan Ekonomi (PEMERKASA)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memberi pengecualian duti hiburan ke atas bayaran kemasukan ke tempat hiburan seperti taman tema, persembahan pentas, acara sukan dan pertandingan serta tayangan filem pawagam di semua Wilayah Persekutuan;</li> <li>• Memperluas skop pelepasan khas cukai pendapatan individu sehingga RM 1,000 meliputi perbelanjaan pembelian pakej pelancongan melalui ejen pelancongan yang berdaftar dengan MOTAC; dan</li> <li>• Kerajaan bersetuju untuk menyalurkan Geran Bantuan Khas secara one-off sebanyak RM 3000 kepada lebih 5,000 buah agensi pelancongan yang berdaftar dengan MOTAC.</li> <li>• Kerajaan juga bersetuju untuk menyediakan bantuan tunai secara one-off sebanyak 600 ringgit kepada pengusaha homestay yang berdaftar dengan MOTAC.</li> <li>• Kerajaan sedia untuk membenarkan pergerakan rentas negeri secara berperingkat, malah mewujudkan special green lane bagi perjalanan sempadan yang melibatkan pengangkutan udara.</li> </ul>
9	Program Strategik Memperkasa Rakyat Dan Ekonomi Tambahan (PEMERKASA+)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Program subsidi upah, insentif penggajian serta program latihan untuk membantu menjamin pekerjaan sedia ada serta menggalakkan penyediaan pekerjaan baru dengan sasaran 500 000 peluang perkerjaan untuk tahun ini;</li> </ul>
10	Pakej Perlindungan Rakyat Dan Pemulihian Ekonomi (PEMULIH)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengendali hotel, taman-taman tema, pusat konvensyen, pusat beli- belah, pejabat syarikat pelancongan tempatan serta agensi pengembaran dan pelancongan, dilanjutkan tiga bulan lagi diskau bil elektrik sebanyak 10 peratus bagi bil bulan Oktober hingga Disember 2021.</li> <li>• Kerajaan akan menyediakan bantuan one-off sebanyak RM 3000 kepada lebih 5,300 agensi pelancongan berdaftar.</li> </ul>

Source: Author

Pakej Rangsangan Ekonomi 2020 (PRE2020) yang dibentangkan oleh Perdana Menteri Tun Dr Mahathir memfokuskan penstrukturkan dan penjadual semula pinjaman perniagaan terutamanya bagi peniagaan kecil dan sederhana (IKS). Pengecualian cukai perkhidmatan untuk hotel dalam membantu para pengusaha hotel yang tiada pengunjung akibat Covid-19. Di samping pengenalan Baucer Diskaun, pelepasan percukaian, kebenaran penganjuran acara rasmi kerajaan di hotel merupakan antara strategi dalam mengukuhkan industri pelancongan di Malaysia.

Seterusnya Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN)

memfokuskan pemberian bantuan tunai kepada isi rumah mengikut pendapatan masing-masing termasuklah yang bujang, para pelajar dan persara. Di samping itu, manfaat MySalam terus diperluaskan selain pemberian diskaun bagi penggunaan tenaga elektrik bulanan. Penyediaan dana tambahan bagi Skim Kredit Mikro turut diperkenalkan bagi membantu para peniaga yang berkaitan termasuklah pemberian moratorium oleh TEKUN dan MARA serta koperasi yang berkaitan. Dalam masa yang sama, turut ditambah Pakej Prihatin PKS Tambahan yang memfokuskan perusahaan kecil dan sederhana dengan penyediaan geran khas PRIHATIN, pengecualian bayaran sewa premis milik syarikat berkaitan kerajaan.


Selain itu juga, Pelan Jana Semula Eknomi Negara (PENJANA) diperkenalkan bagi sektor pekerjaan yang tersenarai dalam aktiviti ekonomi yang dilarang sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) termasuklah sektor pelancongan. Hal ini dengan memberi penangguhan bayaran ansuran ke atas cukai. Pengecualian cukai pelancongan dan cukai perkhidmatan turut dilaksanakan. Pelepasan cukai juga turut diberikan kepada rakyat Malaysia bagi cukai pendapatan tahunan. Di samping Kerangka Inisiatif Tambahan Khas: Kita Prihatin turut diperkuuhkan dengan bantuan prihatin nasional dan program subsidi upah.

Pembentangan belanjawan 2021 oleh Menteri Kewangan mengukuhkan lagi strategi ekonomi dan bantuan kewangan bagi sektor pelancongan. Program peningkatan peluang pekerjaan turut diperkenalkan bagi rakyat yang terjejas seperti diberhentikan kerja akibat pandemik. Selain giat menambah baik dan mempergiat promosi tarikan pelancongan domestik. Keperihatian kerajaan diteruskan dengan pakej bantuan pelindungan ekonomi dan rakyat Malaysia (PERMAI) dengan fokus meringankan bebas rakyat seperti pemandu teksi dan bas, ehailing, pemberian diskaun bil elektrik bagi industri pelancongan serta pengecualian cukai jualan ke atas kenderaan penumpang.

Seterusnya Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA) lebih memfokus Program Imunisasi Covid-19 peringkat kebangsaan. Kelonggaran Perintah Kawalan Pergerakan secara tidak menyeluruh seperti PKP disesuaikan mengikut lokaliti atau tertumpu kepada kluster yang berkaitan sahaja. Kementerian Industri dan Perdagangan Antarabangsa (MITI) menjadi kementerian yang menyelaras program

Safe@work bagi memastikan majikan menyediakan keperluan pekerjaan dan kebajikan bagi para pekerja. Pemberian geran khas perihatin diteruskan termasuk program subsidi upah. Pelepasan cukai pendapatan diteruskan bagi aktiviti pelancongan termasuklah pembelian pakej pelancongan menerusi agensi sah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC). Hal ini turut diteruskan dengan kebenaran pergerakan rentas negeri dan memperkenalan special green lane bagi ruang udara untuk pengangkutna udara selain pengekalan diskau bil elektrik bagi mengurangkan kos perniagaan seperti pengendali hotel, taman tema dan syarikat agensi pelancongan.

